

Headline	MBPJ akan sediakan tong sampah khas untuk peniaga		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Mar 2019	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	47	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	217 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,828
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,483



MBPJ akan sediakan tong sampah khas untuk peniaga

PETALING JAYA 7 Mac - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menyediakan tong sampah khas kepada setiap premis peniaga di Jalan 243, Seksyen 51A di sini bagi mengatasi masalah pembuangan sampah di tempat yang tidak sepatutnya.

Penolong Pengarah Komunikasi Korporat MBPJ, Ahmad Iskandar Mohamad Mukhtar berkata, tong sampah berkapasiti 240 liter itu akan diberikan secara percuma kepada setiap premis perniagaan berkenaan bagi mengelakkan kejadian sama berulang.

Menurut beliau, sebelum ini, pihaknya ada menyediakan tong sampah berkapasiti 660 liter untuk kegunaan peniaga, namun kawasan itu telah dijadikan *hot-spot* pembuangan sampah haram ekoran sikap segelintir peniaga dan orang awam yang tidak menjaga kebersihan sekitar.

"MBPJ berharap pemberian tong sampah ini dapat memastikan sampah dapat dikutip dengan teratur dan lebih berkesan.

"Kita juga akan memantau dan membuat tindakan penguatkuasaan secara lebih kerap di kawasan berkenaan.

"Tindakan penguasaan dan kompaun akan dikenakan kepada premis yang ingkar dan mana-mana individu yang melaku-

kan kesalahan akan dikenakan kompaun sebanyak RM1,000 di bawah Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan sampah sarap 2007.

"Malah, kita juga bercadang mengadakan gotong-royong dengan peniaga dalam masa terdekat selain menjalankan siasatan khas untuk mengenal pasti sekiranya terdapat premis yang tiada lesen perniagaan yang sah," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Tambah Ahmad Iskandar, berhubung tindakan menghalang lalu lintas, MBPJ telah mengenakan sitaan terhadap 20 buah motosikal atas kesalahan menghalang laluan dan tidak meletakkan motorsikal.

"Selain itu, kita juga mengambil tindakan terhadap tiga kenderaan buruk dan sebuah van yang ditunda dan diletakkan di depoh simpanan," ujarnya.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taman Medan, Syamsul Firdaus Mohamed Supri berkata, pihaknya telah dimaklumkan berhubung masalah yang

menimpa pekerja di kawasan perindustrian tersebut dan telah melihat sendiri masalah dihadapi pada awal Januari lalu.

Beliau berkata, pihaknya telah memaklumkan sendiri kepada Ahli Majlis MBPJ (Zon 14), A.Sugumaran untuk tindakan lanjut.

"Secara peribadi, kita agak kesal kerana masalah yang dihadapi pekerja di kawasan perindustrian ini. Namun, kita akan melihat lagi kedai-kedai makan ini bagi menyiasat sama ada premis ini beroperasi secara sah atau sebaliknya.

"Berhubung masalah lalu lintas dan kesalahan meletakkan kenderaan, kita akan mengusulkan perkara ini kepada MBPJ untuk tindakan lanjut," ujarnya.

Headline	MBPJ sasar 900 penyertaan PJ Joran		
MediaTitle	Kosmo		
Date	08 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	44	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	146 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,803
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,410



PENGARAH Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan MBPJ, Aznan Hassan (tiga dari kiri) bersama ahli jawatankuasa PJ Joran 2019 melepaskan ikan patin di Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya, Selangor baru-baru ini.

MBPJ sasar 900 penyertaan PJ Joran

RENTAP. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menyasarkan penyertaan seramai 900 kaki pancing sempena penganjuran pertandingan Memancing Petaling Jaya Joran 2019 (PJ Joran) yang menawarkan hadiah keseluruhan RM20,000 pada Ahad ini.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Datuk Mohd. Azizi Mohd. Zain berkata, ia merupakan salah satu acara yang dimasukkan ke

dalam aktiviti 'PJ Car Free Day' yang diadakan sebanyak lima kali setahun.

Setiap peserta akan dikenakan yuran sebanyak RM40 untuk satu joran dua mata kail manakala orang kelainan upaya separuh bayaran. Pendaftaran dibuka mulai esok. Antara spesies ikan yang sedia ada di dalam tasik itu ialah patin, toman, haruan, rohu, kap, belida, keli dan tilapia.

Headline	Selangor peneraju kemahiran tinggi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	39	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	386 cm ²
Journalist	DR MUHIDN ARIFIN	AdValue	RM 6,584
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,753



Selangor peneraju kemahiran tinggi



Perkara yang paling membosankan dalam kehidupan adalah menunggu seseorang, atau pesawat menuju ke sesuatu destinasi tertentu. Isnin lalu, penulis menghabiskan lebih 7 jam di Heathrow, London – antara lapangan terbang paling sibuk di dunia.

Penulis dalam perjalanan ke Berlin, Jerman bersama delegasi Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari yang mahu melawat rakan industri dan beberapa pusat latihan kemahiran teknikal serta vokasional (TVET) di negara tersebut.

Sepanjang berada di Heathrow, penulis melihat kapal terbang saling bergantian mendarat dan berlepas selang setiap minit berterusan tanpa putusanya, sekali gus menimbulkan persoalan tentang cara ia diurus dengan

cekap. Penulis mengongak 1,400 penerbangan sehari memberikan jumlah anggaran 500,000 penerbangan setahun.

Tekaan penulis tidak meleset kerana laporan menyatakan Heathrow melakukan 480,339 penerbangan setahun pada 2017 dan meningkat 2.7 peratus pada 2018 iaitu 493,308 penerbangan melibatkan lebih 90 juta penumpang setahun.

Penulis perhatikan hanya seorang pekerja menyelesaikan 'groundworks' bagi setiap pesawat. Penulis kagum dengan pencapaian Heathrow.

Bercakap tentang kecekapan, penulis bersama delegasi Menteri Besar Selangor ke Jerman bermula Isnin lalu sehingga 13 Mac. Penulis diberi tugas khas bagi mengkaji dan melaksana sistem TVET sejajar era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) sekali gus memperkasakan program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Selangor (IKTISASS).

Sepanjang di Berlin, kami akan mengadakan sesi lawatan

kerja dan perbincangan dengan beberapa industri konglomerat dan pusat latihan industri di Jerman seperti European Schools of Management and Technology (ESMT) di Berlin, Federal Institute for Vocational Education and Training (BIBB) di Bonn Cologne, Technical University of Munich (TUM) dan BMW di Munich.

Menteri Besar sangat bersemangat untuk memberi impak dan kekuatan segera untuk mengangkat martabat Selangor sebagai negeri maju nombor satu di Malaysia.

Saranan Amirudin yang mahu menjadikan Selangor negeri maju sesuai perintah ALLAH SWT dalam *Surah Al-Mulk* [67:15] bermaksud: "Dialah Yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, maka berjalanlah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian dari rezeki-Nya. Dan hanya kepada-Nya lah kamu (kembali setelah) dibangkitkan."

Jelas, dunia ini adalah satu hampanan luas terbentang dan

ALLAH menggalakkan umat manusia merantau jauh untuk mencari pengalaman bagi dijadikan pengajaran dan panduan.

Kembali kepada Heathrow. Kini bukan saja Britain yang berjaya tetapi Fiji – sebuah pulau di tengah Lautan Pasifik Selatan juga telah melakukan kejutan mahu menerajui teknologi Sistem Penentu kedudukan Global (GPS) dalam pengaplikasian sistem pengawalan penerbangan udara.

Khabarnya, pendaratan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Nadi (NADI) Fiji dalam perjalanan dari Sydney, Australia dikatakan sangat luar biasa. Selepas beribu kilometer menempuh penerbangan tiada apa-apa boleh dilihat kecuali air laut yang mengandungi terumbu karang, pulau bergunung berapi permukaannya hijau dan berbatu sekali gus membayangkan betapa terencilnya Fiji. Jelas sekali bukan mudah untuk mendarat di NADI.

Namun, para jurutera FIJI telah mengoptimalkan teknologi GPS dengan mengaktifkan

aplikasi tersebut dalam ruang udara Fiji dan pulau-pulau di sekelilingnya. Dalam erti kata lain, sistem penentu kedudukan global telah digabung dalam sistem penerbangan di NADI. Inilah kali pertama aplikasi GPS digunakan untuk penerbangan awam pertama di dunia. Kini, Fiji berubah sebagai sebuah negara yang disegani dalam era sistem pengangkutan awam udara.

Kesimpulannya, saiz sesebuah negara bukan penentu kejayaan dalam bidang teknologi. Selangor juga akan menjadi sebuah negeri maju yang sukar ditandingi dalam masa terdekat. Dengan mengambil kira semangat Fiji, penulis percaya Selangor akan muncul sebagai penjana utama para profesional berkemahiran dalam sektor industri termaju di Malaysia.

**Penulis adalah Pengarah Institut Kejuruteraan Sukan Pusat Kecemerlangan Universiti Selangor (LINISEL)*

Headline	MBPJ anjur Hari Tanpa Kenderaan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Mar 2019	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	18	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	117 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,152
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,456



MBPJ anjur Hari Tanpa Kenderaan

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bakal meneruskan program Hari Tanpa Kenderaan 2019 pada tahun ini bagi meneruskan lagi usaha untuk mewujudkan sebuah bandaraya yang hijau dan mampan.

Sekretariat Media Unit Komunikasi Korporat MBPJ memaklumkan bahawa program ini juga merupakan usaha untuk mengajak penduduk bersama-sama memelihara tenaga serta sumber bagi mengurangkan

penggunaan kenderaan di samping mengawal pencemaran udara di bandar.

Katanya, penganjuran edisi kali ini yang akan diadakan di Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya pada 10 Mac ini merupakan sebahagian inisiatif MBPJ untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam.

Beberapa aktiviti menarik diadakan sewaktu program berkenaan antaranya PJ Smart Rida, Purple Walk, pertandingan memancing, pertandingan

permainan tradisional, pertandingan mewarna, santai budaya dan pelbagai lagi.

Pertanyaan lanjut boleh berhubung terus dengan Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan MBPJ, Bahagian Khidmat Komuniti dan Pembangunan Modal Insan di talian 03-79560203.

Boleh juga layari laman sesawang www.mbpj.gov.my atau laman sosial (Facebook: [petalingjayacitycouncil](https://www.facebook.com/petalingjayacitycouncil), Twitter & Instagram: [@pjcitycouncil](https://www.instagram.com/pjcitycouncil)).

Headline	KSSB beralih ke sistem digital Mampu kawal proses semak dan imbang lebih teratur		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	845 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,414
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,241

KSSB beralih ke sistem digital Mampu kawal proses semak dan imbang lebih teratur

PUTRAJAYA - Sejalan dengan perkembangan teknologi pada masa kini, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) mengambil langkah untuk beralih ke sistem digital bagi bersaing dengan pemain industri dan syarikat-syarikat multi-nasional lain di negara ini.

Sebelum ini, sebarang pembelian oleh KSSB perlu dilakukan secara manual namun keadaan ini mengundang kesulitan berikutan pihak pengurusan syarikat sukar melakukan proses semak dan imbang yang sempurna.

Namun, bagi mengatasi permasalahan itu, KSSB telah mengorak langkah bagi mewujudkan KSSB Purchasing System yang dilihat lebih berkesan dalam melakukan semakan atau mengesan sebarang pembelian oleh pihak syarikat.

Ketua Jabatan Kontrak dan Perolehan KSSB, Mohd Hisham Mohd Ghaus berkata, penambahbaikan yang dilaksanakan itu bertujuan bagi memastikan pihaknya mempunyai mekanisme terbaik dalam mengawal proses semak dan imbang yang merupakan komponen penting bagi mengawasi perbelanjaan syarikat.

"Pelaksanaan ini juga adalah sejajar dengan ISO 9001:2015 dan Prosedur Operasi Standard (SOP) KSSB di mana kita perlu mengesan setiap wang yang dibelanjakan.

"Maksudnya, langkah ini memudahkan kita untuk mengesan pesanan, siapa yang luluskan dan sebagainya. Namun apa yang penting adalah kita dapat mengawal ketelusan dan wang yang dibelanjakan," katanya kepada Sinar Harian selepas Program Townhall Kakitangan KSSB yang berlangsung di Hotel The Everly.

Mengulas lanjut, Mohd



Hisham berkata, pembikinan sistem berkenaan juga dianggap istimewa berikutan ia dibangunkan secara dalaman oleh kakitangan KSSB di bahagian IT.

Menurutnya, dengan menggunakan kepakaran dalaman, pihaknya berjaya melakukan penjimatan sebanyak RMT150,000 bagi membangunkan sistem tersebut.

"Sebelum ini, kita ada minta sebut harga kepada pembekal luar bagi membangunkan sistem ini dan harga paling rendah diletakkan adalah RMT150,000.

"Jadi atas dasar itu, kita rujuk kakitangan IT KSSB yang bersedia untuk melakukan tugas ini dan langkah berkenaan telah memberi penjimatan yang banyak kepada syarikat," katanya.

Dalam usaha membangunkan sistem berkenaan, aspek masa merupakan cabaran terbesar yang perlu dihadapi pihaknya.

"Ini kerana kakitangan terlibat hanya membangunkan sistem terbabit secara sambilan berikutan mereka juga terikat dengan tugas lain di samping perlu melaksanakan pembinaan

Pelaksanaan ini juga adalah sejajar dengan ISO 9001:2015 dan Prosedur Operasi Standard (SOP) KSSB di mana kita perlu mengesan setiap wang yang dibelanjakan."

- Mohd Hisham



sistem Smart Docket.

"KSSB Purchasing System ini mengambil masa 157 hari untuk disiapkan dan cabaran kami adalah untuk mengejar masa," katanya.

JULUNG KALI TERBIT VIDEO KORPORAT

Selain pembangunan sistem, KSSB turut melakar sejarah tersendiri apabila buat julung kalinya berjaya melancarkan

video korporat itu telah dirancang sejak tahun lalu namun disebabkan beberapa kekangan, pihaknya memulakan projek pada awal Januari lalu."

- Mohd Nizam



video korporat bagi memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai operasi perniagaan yang dijalankan pihak mereka.

Ketua Jabatan Penyelidikan dan Pemasaran KSSB, Mohd

Nizam Mohd Ishak berkata, pembikinan video korporat itu telah dirancang sejak tahun lalu namun disebabkan beberapa kekangan, pihaknya memulakan projek pada awal

Januari lalu.

"Selain menerangkan mengenai bentuk perniagaan KSSB, pelancaran video korporat ini juga bagi menyatakan kepada masyarakat dan badan bukan kerajaan (NGO) bahawa operasi kami sistematik dan mengikut SOP ditetapkan.

"Lazimnya, apabila berbicara mengenai perlombongan, stigma masyarakat akan menganggap tindakan itu merosakkan alam sekitar. Jadi, melalui video ini kita dapat memberi kefahaman mengenai prosedur yang diamalkan oleh KSSB," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Nizam berkata, video korporat ini juga dapat menjadi motivasi dan keyakinan buat kakitangan KSSB membuktikan bahawa syarikat menjalankan operasi secara tepat dengan mengikut SOP.

Tambah beliau, pihaknya juga akan menghantar video korporat tersebut untuk dipertandingkan dalam Asean Mineral Awards 2019 yang telah dianjurkan oleh ASEAN Mineral Cooperation Action Plan (AMCAP) yang telah dipertujui di bawah rangka kerja ASEAN Senior Official Meeting on Mineral (ASOMM) dan ASEAN Ministerial Meeting in Minerals (AMMin) serta dikelolakan oleh Jabatan Mineral and Geosains (JMG) Malaysia untuk kali ke-2 tahun ini.

"Kita mahu dijadikan video ini sebagai medium untuk pengajaran dan pengetahuan kepada masyarakat bahawa aktiviti perlombongan tidak semestinya merosakkan alam sekitar sekiranya menggunakan kaedah betul," katanya.



Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Abd. Rahman Ishak bergambar bersama mentoran dan mentee selepas menyerahkan surat pelantikan.



Kakitangan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. menyempakan pembentangan pada Employee Townhall.



Kakitangan KSSB yang mengikuti program KSSB Employee Townhall.

Headline	16 pasukan berentap		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	383 cm ²
Journalist	ASYRAF MUHAMMAD	AdValue	RM 6,533
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,599



16 pasukan berentap

Piala Datuk Mokhtar Dahari 2019 tawar wang tunai RM20,000

ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

16 pasukan bakal membawa cabaran bagi bersaing untuk merebut kejuaraan Piala Datuk Mokhtar Dahari (bawah 15 tahun) dalam perlawanan yang akan berlangsung hari ini.

Kesemua pasukan itu layak ke pusingan 'kalah mati' selepas melepasi saingan pertama yang menampilkan 32 pasukan terbaik dari seluruh daerah di negeri ini.

Pengerusi Kejuhan, Datuk Emran Kadir berka-



Emran (enam kanan) merakamkan gambar bersama pemain yang menyertai kejohanan terbabit.

ta, pertembungan pada kali ini dilihat agak seimbang berikutan pasukan yang baharu pertama kali layak juga turut mempamerkan aksi permainan berkualiti.

"Kita berharap bakat-bakat muda ini akan menyerlah di persada bola sepak negara malah antara bangsa," katanya.

Beliau berkata, 16 pasukan yang akan bersaing dalam pusingan kali ini adalah SMK S10 Kota Damansara, SMK Dato Hamzah, SMK Tinggi Kajang, SMK USJ 23, SMK Sijangkang Jaya, SMK Bandar Tasi Kesuma, SMK USJ 8 dan SMK Sg Kertas.

Selain itu, beliau berka-

ta pasukan lain yang turut layak merupakan SMK Tun Perak, SMK Meru, SMK Jalan Empat BB Bangi, SMK Bukit Changgang, SMK Datuk Harun, SMK Bagan Terap, SMK Serendah dan SMK Jalan Kebun.

"Lapan pasukan yang berjaya meraih kemenang-

an dalam perlawanan kali ini akan berjaya ke peringkat suku akhir yang akan berlangsung pada 11 Mac ini.

"Pertemuan separuh akhir bagi kejohanan ini pula akan berlangsung pada 13 Mac manakala perlawanan akhir akan diadakan di Stadium Majlis

Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Kelana Jaya pada 16 Mac bermula 8.00 malam," katanya.

Piala Dato Mokhtar Dahari dikatakan menjadi platform terbaik bagi mencungkil bakat pemain bola sepak yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

Di samping itu, kejohanan ini dilihat konsisten melahirkan pemain berbakat diperingkat akar umbi.

Johan akan meraih hadiah wang tunai RM8,000, naib johan RM6,000, tempat ketiga RM4,000 manakala keempat menerima RM2,000.

Selain itu lapan pasukan kesuku akhir masing-masing menerima satu set jersi yang disumbangkan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) yang juga penaja utama manakala Sinar Harian adalah akhbar rasmi kejohanan.

Headline	Usaha tangani kes pembakaran terbuka		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	202 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,446
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,337



Usaha tangani kes pembakaran terbuka

KLANG - Beberapa inisiatif akan dilaksanakan bagi menangani kes pembakaran terbuka tanah gambut di Kampung Johan Setia, di sini.

ADUN Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, pihaknya memandang serius isu terbabit yang kerap dilaporkan di kawasan itu.

Menurutnya selain Pusat Khidmat Rakyat DUN Sungai Kandis, ia turut menjadi tumpuan ahli majlis, MPKK Kampung Johan

Setia, PBT, kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.

"Disebabkan itu, pejabat Ahli Majlis Zon N49B menerusi Ahli Majlisnya, Megat Shariffudin Shahrudin dengan kerjasama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Johan Setia dengan sokongan Pusat Khidmat Rakyat DUN Sungai Kandis akan laksana beberapa inisiatif banteras kegiatan pembakaran terbuka, sama ada disengaja mahupun tidak.

"Antara inisiatif tersebut adalah melancarkan Kempen Banteras Pembakaran Terbuka (BPT)-Johan Setia," katanya.

Menurutnya, kempen bertujuan membudayakan penglibatan penduduk dalam usaha melestarikan keindahan dan kesejahteraan kawasan.

Penduduk akan bertindak sebagai ejen maklumat melaporkan pembakaran terbuka secara 'on the spot' menggunakan kaedah laporan (STS – Snap, Tag & Send).

"Menggunakan aplikasi WhatsApp, penduduk hanya perlu lakukan tiga langkah mudah iaitu ambil gambar 'snap', tanda lokasi 'maps' (tag) dan hantar 'send' kepada nombor kordinator Unit Bertindak Kempen.

"Selain itu pejabat Ahli Majlis Zon N49 akan dijadikan pusat hentian setempat untuk anggota Penguatkuasa Majlis Perbandaran Klang (Skuad Pantas) dan agensi terlibat dalam menjalankan operasi.



Pelbagai inisiatif diambil bagi menangani isu pembakaran terbuka di Kampung Johan Setia.

Headline	MPK komited perangi rasuah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	391 cm ²
Journalist	AZIE YAHAYA	AdValue	RM 6,670
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,009



MPK komited perangi rasuah

Tiada rekod tangkapan sepanjang dua tahun lafaz IBR

AZIE YAHAYA

KLANG

Majlis Perbandaran Klang (MPK) terus memperkukuh nilai integriti dalam kalangan kakitangannya.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, sepanjang dua tahun melafazkan Ikrar Bebas Rasuah (IBR), pihaknya tiada rekod tangkapan kes rasuah.

“Sejak beri penekanan kepada IBR, kita tidak pernah menerima sebarang kes tangkapan melibatkan kes suapan atau rasuah dalam kalangan kakitangan



Mohamad Yasid (duduk, tengah), Adi Faizal (duduk, tujuh kiri), Alias (duduk, tujuh kanan) bersama Abdul Ghani (duduk, enam kanan) dan Ahli Majlis MPK serta PeBT yang hadir.

MPK.

“Yang ada cuma kes ‘tohmahan’ melibatkan anggota penguatkuasa yang didakwa menerima wang daripada pekedai tidak berlesen.

“Kes ini berlaku pada 2017 namun sehingga kini tiada tindakan diambil SPRM berhubung perkara ini,” katanya ketika sidang

media Majlis Ikrar Bebas Rasuah MPK, di Dewan Hamzah, di sini semalam.

Hadir sama, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor, Datuk Alias Salim; Orang Besar Daerah Klang, Datuk Abdul Ghani Pateh Akhir dan Setiausaha MPK, Adi Faizal Ahmad Tarmizi.

Seramai 24 Ahli Majlis MPK serta 21 Penggerak Belia Tempatan (PeBT) melafazkan IBR.

Mohamad Yasid berkata, lafaz IBR dalam kalangan Ahli Majlis dan PeBT julung kali.

“IBR merupakan inisiatif MPK agar setiap individu yang menandatangani ikrar, akan lebih bertang-

gungjawab dalam melaksanakan tugas dan amanah dipikul serta menjauhkan diri daripada sebarang salah laku perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan itu.

“Usaha ini juga sebagai komitmen memastikan pembentukan modal insan Ahli Majlis MPK dan PeBT dapat dilaksanakan secara

info

24 Ahli Majlis MPK serta 21 Penggerak Belia Tempatan (PeBT) melafazkan IBR

bertanggungjawab,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya melihat inisiatif tersebut dapat menjadi pemangkin paling kukuh dalam pentadbiran yang berintegriti dan bertanggungjawab.

“Tindakan ini jelas memperlihatkan keikhlasan, komitmen dan keinginan institusi ini untuk mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan bebas rasuah.

“Usaha ini bagi memastikan tanggungjawab dan amanah MPK kepada rakyat, khususnya komuniti di daerah ini dapat dilaksanakan dengan baik,” katanya.

Headline	Independent, and loving it		
MediaTitle	The Star		
Date	08 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	1T03	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	2564 cm ²
Journalist	Priya Menon	AdValue	RM 136,779
Frequency	Daily	PR Value	RM 410,337



Enterprising mums

Participants of Selangor's women empowerment programme work to break the cycle of poverty by putting their acquired skills and knowledge to good use. >2&3

Headline	Independent, and loving it		
MediaTitle	The Star		
Date	08 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	1T03	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	2564 cm ²
Journalist	Priya Menon	AdValue	RM 136,779
Frequency	Daily	PR Value	RM 410,337



Normawati's cooking skills are now helping her to generate extra income through food catering. (Right photo) Lee (left), Delicia co-founder Ray Leong (second from right) and PWB Damansara Utama coordinator Hayashi Choong are helping women like Normawati fend for themselves.

Star
WOW
2019 Women do Wonders

Organiser: **Star**
Sponsors: **Star**, **Boost**

By **PRIYA MENON** and **SHEILA SRI PRIYA**
metro@thestar.com.my

THE Selangor government's women empowerment programme known as Pusat Wanita Berdaya (PWB) was launched in 2012.

It is under the portfolio of the state Health, Welfare, Women Empowerment and Family Committee.

Every assemblyman's office in the state has a PWB arm which organises courses that can help women in areas such as financial literacy, cooking and sewing.

The programme enables women, especially those from the B40 group and their families, to have a better quality of life by providing them with skills and knowledge they can use to earn additional income.

In conjunction with International Women's Day today, *StarMetro* spoke to five participants who have benefited from the programme.

A way out of poverty

Housewife Normawati Ismail, 42, has five children and lives on a shoestring budget with her husband's auxiliary police income.

She learnt cooking skills through PWB and now generates extra income through food catering.

Normawati first joined a PWB activity organised by Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Minister Yeo Bee Yin when she was Damansara Utama assemblyman in 2017.

Now, Bandar Utama assemblyman Jamaliah Jamaludin supports the PWB activities held in Normawati's Damansara Bistari

Independent, and loving it

Five women reap the benefits of venturing into business



Umadevi currently uses another tailor's premises but dreams of setting up her own place soon.

Apartment, a low-cost flat in Section 19, Petaling Jaya.

Since learning culinary skills, she can now earn up to a few hundred ringgit a month in partnership with Delicia, a social enterprise.

Normawati cooks Malay food and prepares *kuih* while Delicia helps her secure orders and assists with food delivery.

"I am thankful for any form of

extra income. Due to our poor household income, my children used to eat less nutritious food. Now I can buy better food for them.

"I did not send my children for religious classes after school in the past because I had no money for their transportation, but now I can afford it.

"Last Hari Raya, for the first

time, I had extra money and bought all my children new clothes," she said.

Delicia co-founder Icy Lee, 31, said the social enterprise reaches out to mothers from low-income families.

"Many from the low-income category are always attending to the needs of their family and can't commit to a long-term plan.

"At Delicia, these mothers through their cooking skills take 50% of profits from the sale of the food.

"We also teach them how to manage their finances," said Lee. She added that PWB was a good programme as participants like Normawati were linked to social enterprises so that their skills and knowledge could be better utilised.

Sewing for their education

Umadevi Manikam, 47, does tailoring to earn extra income and dreams of opening her own curtain shop.

She attended a financial management talk by the Credit Counselling and Debt Management Agency (AKPK) hosted by PWB in the middle of last year.

Later, Umadevi learnt sewing and cooking through activities offered by Seri Setia assemblyman Halimey Abu Bakar's office.

Now, with help from a tailor who offers her a workspace at the Desa Mentari flat in Petaling Jaya, Umadevi is able to do part-time sewing.

"I was a full-time insurance agent but I need extra income for my eldest daughter's tertiary education next year. I am saving as much as I can for her," said Umadevi, who was at first hesitant to join the programme.

"I was the only Indian in the group but had no problems interacting with the other participants.

"I can now sew *Punjabi* suits while some of the Malay participants sell embroidered *tudung* online," said Umadevi, a mother of three who stays in Taman Seri Subang in Bandar Sunway.

She added that the most important lesson she learnt from PWB

Headline	Independent, and loving it		
MediaTitle	The Star		
Date	08 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	1T03	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	2564 cm ²
Journalist	Priya Menon	AdValue	RM 136,779
Frequency	Daily	PR Value	RM 410,337



Mirahariyani (left) has roped in her children, including Sharina (seated), to learn new skills like hairstyling through the PWB programme.

was financial management. "I was taught to have two separate accounts. One for business and another for personal use. This helps me track my income and spending," said Umadevi, adding that more Indians should take advantage of the opportunities offered by PWB.

Going far with tailoring

Jamilah Mat Din, 42, is a housewife with two children. "I was working for 13 years before becoming a housewife but I soon became restless and bored," she said. A friend from her four-storey flat in Section 19, Shah Alam, introduced her to PWB. Jamilah attended her first sewing workshop in 2013 under Batu Tiga assemblyman Rodziah Ismail's office three times a week for a month. "I did not stop there and joined courses on business management, self-confidence and PWB also sent me for an advanced course on tailoring," she added. PWB also gave her sewing machines which she uses to sew at home. Jamilah can now earn more than

RM2,000 during the Hari Raya season and has a sustainable income each month.

With the money she earned, Jamilah is helping put her eldest son through law school as well.

Her experience has only strengthened her belief that women should always be independent even if they are married.

"We need to empower ourselves. Women are afraid to venture out on their own. Learn a skill and develop it. Do not wait for anyone," advised Jamilah.

Mobile masseuse

Jamilah's friend and neighbour Nor Suziana Abdullah's massage skills, developed through PWB, was a blessing in disguise when her taxi driver husband was involved in an accident in 2016.

